



Ruang  
Setem Hasil

**PERJANJIAN BIASISWA SELANGORKU  
TAHUN 2017**

ANTARA

*(Nama PELAJAR dan No. Kad Pengenalan)*

DAN

**LEMBAGA TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA  
NEGERI SELANGOR**

DAN

*(Nama PENJAMIN PERTAMA dan No.Kad Pengenalan)*

DAN

*(Nama PENJAMIN KEDUA dan No.Kad Pengenalan)*

Bertarikh pada                      hari bulan                      2017

K  
E  
T  
I  
P

K  
E  
T  
I  
P

# PERJANJIAN BIASISWA SELANGORKU

Perjanjian Basiswa Selangorku Bil.1/2017 yang (selepas ini disebut "**PERJANJIAN**") dibuat pada tarikh yang dinyatakan di **Bahagian 1 Jadual** kepada Perjanjian ini di antara pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di **Bahagian 2 Jadual** kepada Perjanjian ini (selepas ini disebut "**PELAJAR**") sebagai pihak pertama dan pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di **Bahagian 3 Jadual** kepada Perjanjian ini (selepas ini disebut "**PENJAMIN**" ) sebagai pihak kedua dan Lembaga Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor (LTKWBNS), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor (selepas ini disebut "**LEMBAGA**") sebagai pihak ketiga.

## BAHAWASANYA -

- A. LEMBAGA telah bersetuju untuk memberikan Basiswa Selangorku Bil.1/2017 kepada PELAJAR bagi mengikuti kursus pengajian seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Basiswa Selangorku Bil. 1/2017 yang nombor rujukan dan tarikhnya dinyatakan di **Bahagian 4 Jadual** kepada Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Surat Tawaran**");
- B. PELAJAR telah menerima Surat Tawaran tersebut dan bersetuju untuk menerima Basiswa Selangorku tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan Surat Tawaran tersebut;
- C. PENJAMIN telah bersetuju untuk menjadi penjamin kepada PELAJAR bagi tujuan pematuhan semua syarat-syarat dan terma-terma perjanjian ini.

**MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:**

## 1. Definisi dan Tafsiran

### 1.1 Definisi

Di dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah diberi maksud seperti yang berikut:

- "Basiswa Selangorku " - ertinya Nilai Basiswa yang merangkumi yuran pengajian dan elaun bulanan akan dibayar kepada PELAJAR yang merupakan mahasiswa Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS);
- "Pengajian" - ertinya kursus Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam negara yang akan diikuti oleh PELAJAR seperti yang diluluskan di dalam Surat Tawaran;
- "Surat Tawaran" - ertinya surat tawaran Basiswa Selangorku daripada Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor kepada PELAJAR; dan
- "TKWBNS" - ertinya Lembaga Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor yang merupakan pihak yang mentadbir dan mengurus Program Khas Basiswa Selangorku bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor;

## 1.2 Tafsiran

- a) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada peruntukan-peruntukan dan bahagian-bahagian di dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan pembacaan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini;
- b) rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan-rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda dan digubal semula;
- c) rujukan kepada lampiran, fasal, subfasal atau jadual adalah rujukan kepada lampiran, fasal, subfasal atau jadual dalam Perjanjian ini.

## 2. Pembayaran Biasiswa Selangorku

- a) Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini, LEMBAGA bersetuju untuk memberi biasiswa kepada PELAJAR (selepas ini disebut "Nilai Biasiswa") untuk membiaya Pengajian PELAJAR di universiti, kolej atau institusi seperti yang diluluskan di dalam Surat Tawaran.
- b) LEMBAGA akan membayar Nilai Biasiswa tersebut sama ada kepada PELAJAR itu sendiri, penjaga di sisi undang-undang atau kepada pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi atau melalui wakil LEMBAGA seperti mana yang berkenaan.

## 3. Tempoh Perjanjian

PELAJAR akan menamatkan Pengajiannya dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam tempoh seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran atau dalam sesuatu masa sebagaimana yang diluluskan oleh LEMBAGA.

## 4. Penjamin

- 4.1 Dengan ini adalah dipersetujui dan diakui bahawa jika pada bila-bila masa semasa berkuatkuasanya Perjanjian ini, PENJAMIN -
- a) meninggal dunia;
  - b) tidak lagi bermastautin dalam Malaysia;
  - c) berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut kecuali berkhidmat dengan kerajaan;
  - d) diisytiharkan sebagai seorang bankrap; atau
  - e) memperoleh suatu perintah pentadbiran pemakan gaji,

PELAJAR hendaklah mendapatkan PENJAMIN baru yang dipersetujui oleh LEMBAGA dan penjamin baru tersebut hendaklah bersetuju menjadi seorang penjamin mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

- 4.2 Jika PELAJAR gagal menggantikan PENJAMIN yang berkenaan, LEMBAGA boleh, menurut opsyennya, pada bila-bila masa selepas itu menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu, tanpa menyentuh hak-hak LEMBAGA di bawah Perjanjian ini, PELAJAR tidak berhak untuk menuntut apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini.

## 5. Syarat-syarat Semasa Pengajian

### 5.1 Kursus Pengajian

- a) PELAJAR akan dengan bersungguh-sungguh dan sedaya upaya mengikuti Pengajian seperti yang dinyatakan di Surat Tawaran dengan menghadiri kuliah, seminar, ceramah, tutorial dan apa-apa program yang dijalankan berkaitan dengan Pengajian PELAJAR.
- b) PELAJAR akan menghadiri semua ujian dan peperiksaan yang disyaratkan yang berkaitan dengan Pengajiannya untuk mendapat ijazah, diploma atau sijil sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.
- c) PELAJAR hendaklah menunjuk dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam Pengajiannya.
- d) PELAJAR tidak boleh menukar Pengajian dan/ atau tempat Pengajiannya ke universiti, kolej atau institusi selain daripada yang ditetapkan oleh LEMBAGA tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada LEMBAGA.
- e) PELAJAR tidak boleh melanjutkan tempoh dan/ atau menangguhkan Pengajian tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada LEMBAGA.

### 5.2 Disiplin

- a) PELAJAR akan sentiasa mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuatkuasa di universiti, kolej atau institusi dari semasa ke semasa.
- b) PELAJAR juga akan mematuhi semua undang-undang yang berkuatkuasa ke atasnya dari semasa ke semasa.
- c) PELAJAR tidak boleh melakukan perbuatan salah laku dalam apa cara jua pun yang pada pendapat LEMBAGA mungkin menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Negeri Selangor dan/atau Malaysia.

### 5.3 Hasutan dan Tunjuk Perasaan

Pelajar tidak boleh pada bila-bila masa dalam Tempoh Pengajiannya

- a) mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan;
- b) menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan;
- c) menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan, atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyedia, mencetak, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen atau lain-lain bahan;
- d) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat LEMBAGA adalah memudaratkan kepentingan Negeri Selangor dan/atau Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan.

#### 5.4 Menyertai Politik dan Pertubuhan

- a) PELAJAR tidak boleh mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan berunsur politik atau anti-kerajaan.
- b) PELAJAR tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari LEMBAGA dan LEMBAGA, mengikut budi bicara mutlak, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.
- c) PELAJAR tidak boleh menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat LEMBAGA boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari LEMBAGA dan LEMBAGA, mengikut budi bicara mutlak, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

#### 5.5 Syarat-syarat Lain

- a) PELAJAR tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan Pengajiannya.
- b) PELAJAR tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh LEMBAGA tidak selaras dengan kepentingan PELAJAR atau kepentingan Negeri Selangor dan/atau Malaysia. Sekiranya PELAJAR telah mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan dan kemudiannya telah diberitahu oleh LEMBAGA bahawa kegiatan tersebut adalah tidak selaras dengan kepentingannya atau kepentingan Negeri Selangor dan/atau Malaysia maka PELAJAR hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya.
- c) PELAJAR tidak boleh berkahwin tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada LEMBAGA dan sekiranya dibenarkan, PELAJAR adalah terikat dengan semua syarat mengenai hal perkahwinan yang ditetapkan.
- d) PELAJAR tidak boleh menerima apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa jua cara dan bentuk bantuan kewangan lain bagi tujuan Pengajiannya.
- e) PELAJAR tidak boleh sepanjang Tempoh Pengajiannya menerima dan membuat apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak, kecuali dengan kebenaran terlebih dahulu daripada LEMBAGA.
- f) PELAJAR bertanggungjawab untuk memulangkan apa-apa bayaran yang terlebih bayar oleh LEMBAGA.
- g) PELAJAR tidak boleh melakukan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan PELAJAR ditamatkan Pengajian dan/atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi.
- h) LEMBAGA sama sekali tidak terikat dan tidak mempunyai obligasi untuk mendapatkan pekerjaan terhadap PELAJAR setelah menamatkan pengajian.

#### 5.6 Memaklumkan Keputusan Peperiksaan

PELAJAR hendaklah melaporkan dengan segera kepada LEMBAGA, keputusan peperiksaan atau ujian penggal, semester, tahunan atau akhir yang diduduki oleh PELAJAR sebaik sahaja keputusan peperiksaan atau ujian tersebut diisytiharkan oleh universiti, kolej atau institusi yang berkenaan.

## 5.7 Tamat Pengajian

PELAJAR -

- a) yang mengikuti Pengajian di universiti, kolej atau institusi hendaklah melaporkan diri kepada LEMBAGA dalam tempoh 30 hari selepas menamatkan Pengajiannya sama ada dengan jayanya atau tidak.

## 6. Pelanggaran dan Penamatan Perjanjian

Sekiranya PELAJAR –

6.1 di dalam Tempoh Pengajiannya -

- (a) ditamatkan Pengajian oleh pihak universiti, kolej atau institusi; atau
- (b) melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan di dalam Fasal 5 Perjanjian ini,

6.2 selepas tamat Pengajian sama ada dengan jayanya atau pun tidak –

- (a) melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan di dalam Fasal 5 Perjanjian ini,

6.3 pada bila-bila masa, ingin menamatkan perjanjian lebih awal,

maka dalam mana-mana hal yang dinyatakan dalam Fasal 6.1, 6.2 dan 6.3 itu, LEMBAGA boleh menurut budi bicara mutlaknyanya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu PELAJAR dan PENJAMIN hendaklah bersama-sama dan masing-masing bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serah hak, apabila diminta dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diminta oleh LEMBAGA –

- a) membayar balik kepada LEMBAGA sejumlah wang seperti yang dinyatakan di **Bahagian 5 Jadual** kepada Perjanjian ini; dan
- b) semua kos dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara-anakguam, untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik jumlah Biasiswa Selangorku yang telah dibayar kepada PELAJAR atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian ini.

7. Walau apapun peruntukan lain di dalam Perjanjian ini, LEMBAGA boleh dengan memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada PELAJAR untuk menamatkan Perjanjian ini tanpa memberi apa-apa sebab, dan selepas tamat tempoh satu (1) bulan tersebut, maka Perjanjian ini adalah terbatal dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak LEMBAGA di bawah Perjanjian ini, segala faedah bagi dan tanggungan PELAJAR atau PENJAMIN di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.

8. Walau apapun peruntukan dalam Perjanjian ini, LEMBAGA berhak meminda segala terma dan syarat yang ditetapkan pada bila-bila masa sahaja dengan memberi notis bertulis kepada PELAJAR dan PENJAMIN sebelum berkuatkuasanya notis tersebut dan PELAJAR serta PENJAMIN adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

## **9. Alamat dan Penyerahan Notis**

- 9.1 PELAJAR dan PENJAMIN adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada LEMBAGA melalui notis bertulis, pertukaran alamat PELAJAR dan PENJAMIN, jika ada.
- 9.2 Sebarang notis bertulis dan/atau proses pemula mahkamah yang perlu dihantar kepada PELAJAR dan PENJAMIN di bawah Perjanjian ini dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ia ditinggalkan di alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini atau dalam notis pertukaran alamat atau alamat terakhir yang diketahui atau dihantar melalui pos berdaftar kepada mana-mana alamat tersebut yang berkenaan.
- 9.3 Pengemukaan rekod rasmi yang mengandungi catatan bahawa notis bertulis, tuntutan dan/ atau proses pemula mahkamah telah diposkan akan menjadi bukti penyerahan dokumen tersebut kepada PELAJAR DAN PENJAMIN.

## **10. Masa sebagai intipati kepada Perjanjian**

Masa di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini adalah merupakan pati kepada Perjanjian ini.

## **11. Pindaan**

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

## **12. Pemakaian Undang-Undang**

- 12.1 Perjanjian ini hendaklah dalam segala hal ditadbirkan dan ditentukan serta ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan pihak-pihak adalah tertakluk sepenuhnya di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- 12.2 LEMBAGA berhak untuk memulakan prosiding berkenaan pelanggaran di bawah Fasal 6 Perjanjian ini terhadap PELAJAR dan PENJAMIN di mana-mana mahkamah di Malaysia.
- 12.3 Pihak-pihak bersetuju dan mengiktiraf serta menerima sebagai muktamad segala keputusan dan award oleh mahkamah Malaysia berkenaan sebarang pertikaian yang timbul dari Perjanjian ini.

## **13. Jadual**

Jadual dan Lampiran yang dilampirkan di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas:

**PELAJAR:**

Tandatangan:  
Nama:

**Di hadapan Saksi:**

Tandatangan:  
Nama:  
Pekerjaan:  
No. Kad Pengenalan:  
Cop Rasmi:

**PENJAMIN PERTAMA:**

Tandatangan:  
  
Nama:

**Di hadapan Saksi:**

Tandatangan:  
Nama:  
Pekerjaan:  
No. Kad Pengenalan:  
Cop Rasmi:

**PENJAMIN KEDUA:**

Tandatangan:  
  
Nama:

**Di hadapan Saksi:**

Tandatangan:  
Nama:  
Pekerjaan:  
No. Kad Pengenalan:  
Cop Rasmi:

**LEMBAGA:**

Tandatangan:  
  
Nama:  
  
Cop Rasmi:

**Di hadapan Saksi:**

Tandatangan:  
Nama:  
Pekerjaan:  
No. Kad Pengenalan:  
Cop Rasmi:



## JADUAL

(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini)

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Tarikh Perjanjian	hb 20
2.	PELAJAR	Nama: No. Kad Pengenalan: Tarikh Lahir: Emel: Alamat:
3.	PENJAMIN PERTAMA	Nama: No. Kad Pengenalan: Tarikh Lahir: Alamat:
	PENJAMIN KEDUA	Nama: No. Kad Pengenalan: Tarikh Lahir: Alamat:
4.	Surat Tawaran Biasiswa Selangorku	No. Rujukan: Tarikh:
5.	Jumlah Tuntutan:  (a) Ditamatkan pengajian atau tajaan (b) Menamatkan tajaan lebih awal (c) Tidak berjaya menamatkan pengajian	Keseluruhan jumlah sebenar pembiayaan yang telah diberikan termasuk kos-kos lain seperti yang dinyatakan dalam klausa 6.3(b)

.....  
t.tangan ringkas pelajar

.....  
t.tangan ringkas penjamin pertama

.....  
t.tangan ringkas penjamin kedua